

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HIJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)

NUTP saran guru, murid yang layak dapatkan vaksinasi

Oleh Zanariah Abd Mutalib - September 2, 2021 @ 7:08pm

zanariah_mutalib@bh.com.my



PUTRAJAYA 07 JULY 2021: Tinjauan orang ramai mengambil suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Putrajaya. NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KUALA LUMPUR: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyarankan semua warga pendidik dan pelajar yang layak supaya segera mendaftar untuk mengambil suntikan vaksin COVID-19.

Setiausaha Agungnya, Wang Heng Suan, berkata vaksinasi adalah ikhtiar untuk mengawal penularan COVID-19 serta mengurangkan kebarangkalian mendapat jangkitan wabak itu dengan lebih teruk.

"Apabila semakin ramai orang mendapatkan vaksinasi, semakin ramai penduduk membentuk antibodi daripada diserang wabak itu.

"Secara tidak langsung, ia mampu melindungi golongan yang berisiko seperti kanak-kanak, warga emas berusia 65 tahun ke atas, pesakit dengan penyakit kronik dan daya ketahanan badan yang rendah serta wanita hamil," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pada masa sama, NUTP turut mencadangkan Kementerian Kesihatan (KKM) memberi keutamaan pemberian vaksin kepada warga pendidik dan murid yang terbabit sebelum pembukaan sekolah secara berperingkat pada 3 Oktober ini.

Heng Suan berkata, cadangan untuk menjadikan sekolah sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV), khusus untuk murid juga perlu diberikan pertimbangan.

"NUTP juga berharap pihak kaunselor di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah serta KKM dapat memberi penerangan lanjut mengenai kepentingan vaksin kepada guru dan ibu bapa murid yang enggan divaksin supaya mereka mendaftar melalui MySejahtera serta cara lain untuk mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihak sekolah juga disaran meningkatkan prosedur operasi standard (SOP) di sekolah supaya mampu menambah keyakinan ibu bapa untuk membenarkan anak mereka ke sekolah.

"Ia berikutnya tindakan tiga murid yang membuat laporan polis bagi menyatakan hak mereka untuk menolak daripada divaksin.

"Walaupun tiada undang-undang yang memaksa individu untuk divaksinasi, kesedaran masyarakat mengenai kepentingan itu perlu diperluas.

"Risiko penularan COVID-19 di sekolah sangat besar jika semua guru tidak divaksin dan tidak akan wujud persekitaran selamat untuk murid seterusnya menjaskan ekosistem pendidikan," katanya.